

08/07/1999

Siemens tetap setia melabur di Malaysia

Kadir Dikoh

SIEMENS AG (Siemens), syarikat multinasional terkemuka berpangkalan di Jerman tidak akan menarik diri dari Malaysia dan akan terus membuat pelaburan yang turut menyokong pembangunan negara walau dalam apa keadaan sekalipun.

Jumlah perniagaan Siemens di Malaysia, menerusi anak syarikatnya - Siemens Electrical Engineering Sdn Bhd/Siemens Nixdorf Information (M) Sdn Bhd (Siemens Electrical/Nixdorf) mencecah AS\$1.4 bilion (RM5.3 bilion) untuk tahun fiskal 1997/1998.

Sambil menyifatkan kegawatan ekonomi semasa sebagai satu cabaran, Ketua Eksekutif Siemens Electrical/Nixdorf, Rainer Althoff, berkata syarikat itu akan terus bertapak di negara ini.

"Pendirian kami amat berbeza dengan laporan beberapa media (asing) konon banyak syarikat asing akan "tutup kedai" selepas krisis kewangan Asia. Kami di Siemen akan terus berada di sini, sama ada ketika ekonomi baik atau tidak baik.

"Oleh itu, Siemens akan terus memperkembangkan perniagaan di Malaysia dan berharap dapat menggandakan jumlah perdagangan kami dalam tempoh tiga tahun akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis perasmian Siemens Future@b, sebuah makmal multimedia yang canggih di Menara Berkembar Petronas di Kuala Lumpur petang kelmarin. Perasmian dilakukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Althoff berkata, daripada pelaburan RM5.3 bilion kumpulan itu di Malaysia bagi tahun ini, Siemens akan membelanjakan lebih RM20 juta dalam projeknya di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Pembabitan Siemens di dalam MSC dikendalikan menerusi Siemens Multimedia Sdn Bhd (Siemens Multimedia), anak syarikatnya yang sudah mendapat status MSC.

Katanya, pembabitan Siemens di negara ini sudah hampir tiga dekad dan komitmen kepada Malaysia boleh digambarkan menerusi pelaburan terkumpul melebihi AS\$6 bilion (RM22.8 bilion) dalam pelbagai kegiatan.

"Adalah dinyatakan bahawa jika anda menjual produk di sesebuah negara, anda dianggap sebagai pelawat. Jika anda menjual dan mengusaha sesuatu di sesebuah negara, anda adalah seorang kawan.

"Tetapi jika anda menjual, mengusaha dan menjalankan kegiatan penyelidikan serta pembangunan dan melatih orang di negara itu, anda adalah lebih daripada seorang pelawat dan kawan - anda menjadi warga negara. Kami (Siemens) rasa seperti warga negara (Malaysia)," katanya.

(END)